



LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

Peti Surat 12695, 50786 Kuala Lumpur
Tel : 03-26982878/26107087 Faks : 03-26936881
E-mel : info@lam.gov.my Web : www.lam.gov.my

PEKELILING AM BIL. 2/2023

GARISPANDUAN MENGENAI PRAKTIS PERUNDINGAN SENI BINA

1. Pekeling Am ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Arkitek berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia (Lembaga) bahawa Kaedah 30A(3) telah diliputi di bawah pindaan Kaedah-Kaedah Arkitek 1996 yang telah diwartakan dan mula berkuatkuasa pada 1 Oktober 2022.

“(3) Dalam hal suatu pertubuhan perbadanan yang didaftarkan sebagai praktis perundingan seni bina yang mempunyai pengarah tunggal, pengarah itu hendaklah merupakan seorang Arkitek.”

2. Kaedah 30A(3) diperkenalkan bagi membentarkan praktis pertubuhan perbadanan dengan pengarah tunggal. **Seorang Arkitek dibenarkan untuk menjalankan kedua-dua praktis ketuanpunyaan tunggal dan praktis pertubuhan perbadanan dengan pengarah tunggal dalam satu-satu masa.**

3. **JENIS PRAKTIS YANG DIBENARKAN**

Dengan pindaan tersebut, secara ringkas berikut adalah jenis praktis yang dibenarkan bagi seseorang Arkitek:

- 3.1 Ketuanpunyaan Tunggal
- 3.2 Perkongsian
- 3.3 Pertubuhan Perbadanan
(Pengarah Tunggal atau Beberapa Pengarah)
- 3.4 Pertubuhan Perbadanan Pelbagai Disiplin

4. JUMLAH PRAKTIS

- 4.1 Seksyen 7A di bawah Akta memberi kuasa kepada Lembaga untuk mendaftar praktis perunding kesenibinaan tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang difikirkan wajar dikenakan oleh Lembaga.
 - 4.2 Lembaga telah menetapkan bahawa pada satu-satu masa, seseorang Arkitek hanya dibenar menubuhkan praktis perunding kesenibinaan seperti berikut :
 - 4.2.1 mana-mana dua (2) jenis praktis yang berlainan komposisi tetapi tidak termasuk praktis pertubuhan perbadanan pelbagai disiplin (MDP);
 - 4.2.2 mana-mana tiga (3) jenis praktis yang berlainan komposisi termasuk sebuah praktis pertubuhan perbadanan pelbagai disiplin (MDP);
5. Semua Arkitek adalah diingatkan mengenai kehendak Klausa 1(5) di bawah Kod Tatakelakuan dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Arkitek 1996 seperti berikut :

"Seseorang Arkitek yang memulakan amalan profesionalnya sebagai sebuah praktis atau syarikat hendaklah mengemukakan kepada Lembaga nama yang dicadangkan bagi praktis atau syarikat tersebut untuk mendapatkan kelulusan Lembaga."

6. NAMA PRAKTIS

Dalam menubuh dan menamakan praktis, para Arkitek dikehendaki mematuhi garispanduan berikut :

6.1 Praktis Ketuanpunyaan Tunggal [Seksyen 7A, Akta 117]

- 6.1.1 Selaku pemilik tunggal praktis, Arkitek hendaklah menggunakan nama mereka sendiri sepenuhnya :

Contoh :

*Arkitek Ahmad Bakar
Lim Ah Kow Architect*

- 6.1.2 Arkitek boleh juga dibenar untuk menggunakan sebahagian daripada nama mereka :

Contoh :

*Arkitek A.Bakar
AK Lim Architect*

6.2. Praktis Perkongsian
[Seksyen 7A, Akta 117]

- 6.2.1 Semua rakan kongsi hendaklah terdiri daripada Arkitek;
- 6.2.2 Nama praktis yang digunakan hendaklah tidak berbentuk kepura-puraan (*pretentious*) dan menunjuk-nunjuk (*ostentatious*), atau dalam bentuk yang boleh memberi gambaran negatif terhadap kewibawaan profesion atau meletakkannya dalam suatu kedudukan yang boleh menerima cemuhan

Contoh :

*Global Environmental Planners and Architects
Arkitek Supreme*

- 6.2.3 Nama praktis hendaklah mengandungi nama sebenar rakan-rakan perkongsian atau akronim daripada huruf awal nama mereka.

6.3 Praktis Pertubuhan Perbadanan
(Pengarah Tunggal atau Beberapa Pengarah)
[Seksyen 7A, Akta 117]

- 6.3.1 Pertubuhan Perbadanan dengan beberapa pengarah, lembaga pengarah boleh terdiri daripada semua Arkitek atau kombinasi 2/3 Arkitek dan 1/3 terdiri daripada mana-mana orang;
- 6.3.2 Pertubuhan Perbadanan dengan pengarah tunggal, pengarah hendaklah terdiri daripada seorang Arkitek sahaja;
- 6.3.3 Saham boleh dimiliki sekurang-kurangnya 70% oleh Arkitek dan maksimum 30% saham oleh mana-mana orang;
- 6.3.4 Praktis hendaklah didaftarkan dengan pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- 6.3.5 Praktis Pertubuhan Perbadanan tersebut hendaklah mempunyai modal berbayar minima sebanyak RM50,000;
- 6.3.6 Nama-nama praktis yang digunakan hendaklah tidak berbentuk kepura-puraan (*pretentious*) dan menunjuk-nunjuk (*ostentatious*), atau dalam bentuk yang boleh memberi gambaran negatif terhadap kewibawaan profesion atau meletakkannya dalam suatu kedudukan yang boleh menerima cemuhan;
- 6.3.7 Nama-nama praktis digalakkan mengandungi nama atau nama-nama sebenar pengarah atau akronim daripada huruf awal nama atau nama-nama mereka.

6.4 Praktis Pertubuhan Perbadanan Pelbagai Disiplin [Seksyen 7B, Akta 117]

- 6.4.1 Lembaga pengarah hendaklah terdiri daripada Arkitek, Jurutera Profesional dan/atau Juruukur Bahan berdaftar;
- 6.4.2 Semua syer hendaklah dipegang oleh orang-orang yang tersebut di bawah perenggan 6.4.1 dan mana-mana orang seperti berikut dan/atau pertubuhan perbadanan di mana –
 - (i) Arkitek, Jurutera Profesional, Juruukur Bahan berdaftar, pertubuhan perbadanan yang memberi perkhidmatan perunding kesenibinaan, pertubuhan perbadanan yang memberi perkhidmatan profesional kejuruteraan dan/atau pertubuhan perbadanan yang menjalankan praktis sebagai perunding Juruukur Bahan memegang syer minima secara bergabung sebanyak 70% daripada ekuiti keseluruhan pertubuhan perbadanan tersebut, daripada mana Arkitek dan/atau pertubuhan perbadanan yang memberi perkhidmatan perunding kesenibinaan memegang syer minima sebanyak 10%; dan
 - (ii) mana-mana orang perseorangan yang lain, termasuk mereka daripada profesion yang bersekutu dengan kesenibinaan, kejuruteraan atau ukur bahan, dan profesion tersebut telah diberi kelulusan secara bertulis masing-masing oleh Lembaga yang mengawalselia profesion kesenibinaan, kejuruteraan atau ukur bahan, memegang syer maksima sebanyak 30% daripada ekuiti keseluruhan pertubuhan perbadanan itu.
- 6.4.3 Praktis Pertubuhan Perbadanan Pelbagai Disiplin hendaklah mempunyai modal berbayar minima sebanyak RM 150,000.

7. PERUBAHAN KOMPOSISI PRAKTIS

Lembaga hendaklah dimaklumkan sekiranya berlaku perubahan komposisi praktis :

- 7.1 Sesebuah praktis perunding kesenibinaan hendaklah, dalam tempoh tiga puluh (30) hari berlaku sesuatu perubahan praktis ketuanpunyaan tunggal, atau komposisi rakan perkongsian, lembaga pengarah atau pemegang saham, mengemukakan kepada Lembaga satu laporan sebenar secara bertulis yang memberikan butir-butir perubahan sepenuhnya.

- 7.2 Tanpa mengambilkira peruntukan di atas, di mana dalam praktis pelbagai disiplin –
- 7.2.1 pegangan syer minimum seseorang Arkitek dan/atau pertubuhan perbadanan yang memberikan perkhidmatan perunding kesenibinaan adalah kurang daripada peratusan yang tersebut di dalam perenggan 6.3.3; atau
- 7.2.2 pegangan syer minima secara bergabung di kalangan Arkitek, Jurutera Profesional, Juruukur Bahan berdaftar, pertubuhan perbadanan yang memberi perkhidmatan perunding kesenibinaan, pertubuhan perbadanan yang memberi perkhidmatan profesional kejuruteraan dan/atau pertubuhan perbadanan yang menjalankan praktis sebagai perunding Juruukur Bahan kurang daripada peratusan yang tersebut di dalam perenggan 6.4.2(i),

pertubuhan perbadanan tersebut hendaklah dengan seberapa segera dan tidak lewat daripada tiga bulan dari berlakunya perubahan dalam pegangan syer itu atau dalam sebarang tempoh lanjutan masa yang diluluskan oleh Lembaga, menambah pegangan syer masing-masing supaya mematuhi peratusan yang tersebut di bawah perenggan 6.3.3 dan 6.4.2(i), dan sekiranya pertubuhan perbadanan yang berkenaan gagal berbuat demikian dalam tempoh masa yang ditetapkan, Lembaga akan membatalkan pendaftarannya di bawah Akta.

8. **PENERANGAN PRAKТИS**

Semua penerangan mengenai praktis hendaklah menunjukkan dengan tepat komposisi dan kepakaran sesebuah praktis atau pertubuhan perbadanan mengikut garispanduan berikut :

- 8.1 Sekiranya semua prinsipal adalah Arkitek, praktis tersebut hendaklah ditunjukkan sebagai praktis "Arkitek" dan tidak sebagai praktis "Arkitek, Jurutera dan Juruukur Bahan";
- 8.2 Sekiranya sesuatu praktis mengandungi pengarah dari lain-lain disiplin, penjelasan yang tepat mengenainya hendaklah dibuat;

Contoh :

AES – Professional Architects, Engineers and Surveyors

- 8.3 Persamaan dengan nama-nama praktis yang sedia ada hendaklah dielakkan.

9. **KEPALA SURAT PRAKТИS**

Semua kepala surat mesti menyenaraikan nama prinsipal, nama rakan-rakan perkongsian dan pengarah beserta dengan kelayakan profesional dan status mereka.

10. Garispanduan ini dikeluarkan sebagai panduan berhubung penubuhan praktis perunding kesenibinaan. Dengan ini, Pekeliling Am Bil. 2/2004 adalah dimansuhkan.

Dengan Perintah Lembaga Arkitek Malaysia,


(Ar. ABD. SHUKOR BIN ISMAIL)
Pendaftar

2 Februari 2023

Edaran :
Semua ahli berdaftar